



## "INDAHNYA AKHLAKMU YA RASULULLAH"1

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَإِنَّكَ لَعَلَى خُلُقٍ عَظِيمٍ ،</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ</p>	3
<p>. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.</p>	4
<p><b>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</b></p> <p>Marilah kita meningkatkan ketakwaan kehadiran Allah SWT dengan menunaikan segala perintah-Nya serta meninggalkan segala larangan-Nya, mudah-mudahan kita beroleh kejayaan di dunia dan di akhirat.</p>	5
<p>Khatib ingin mengajak semua jemaah untuk sama-sama menghayati khutbah pada hari ini yang bertajuk "<b>INDAHNYA AKHLAKMU YA RASULULLAH.</b>"</p>	6
<p><b>Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT sekalian,</b></p> <p>Keindahan akhlak Rasulullah SAW menggambarkan kecantikan Islam. Ini terbukti apabila keindahan akhlak ini berjaya menarik minat bukan Islam untuk mendekati dan menganut ajaran Islam. Antara keindahan dan ketinggian akhlak Rasulullah SAW yang dapat kita contohi ialah ketika Nabi SAW menghalang para sahabat yang ingin mengambil tindakan terhadap seorang Arab Badwi yang membuang air kecil dalam Masjid Nabawi.</p>	7



<p>Lalu Baginda Rasulullah SAW bersabda sebagaimana yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RadiAllahu Anhu:</p> <p>دَعُوهُ وَهَرِيْقُوا عَلَى بَوْلِهِ سَجْلًا مِنْ مَاءٍ، أَوْ ذُنُوبًا مِنْ مَاءٍ، فَإِنَّمَا بُعِثْتُمْ مُيسِرِينَ، وَلَمْ تُبْعَثُوا مُعَسِرِينَ</p>	8
<p><i>"Biarkanlah dia dan kamu curahkanlah sebekas air pada tempat kencingnya. Sesungguhnya kamu diutuskan untuk memudahkan dan bukan untuk menyusahkan."</i></p> <p>(Riwayat al-Bukhari).</p>	9
<p>Contohnya keindahan akhlak Rasulullah SAW sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Abu Qatadah RadiAllahu Anhu bahawa Nabi SAW bersabda:</p> <p>إِنِّي لِأَقُومُ فِي الصَّلَاةِ أُرِيدُ أَنْ أُطَوِّلَ فِيهَا، فَأَسْمَعُ بُكَاءَ الصَّبِيِّ، فَاتَجَوَّزُ فِي صَلَاتِي كَرَاهِيَةً أَنْ أَشُقَّ عَلَى أُمِّهِ</p>	10
<p><i>"Sesungguhnya ketika aku mendirikan solat aku ingin memanjangkannya, tiba-tiba aku mendengar tangisan bayi lalu aku ringkaskan solat kerana aku bimbang menyusahkan ibunya"</i></p> <p>(Riwayat al-Bukhari).</p>	11



<p><b>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</b></p> <p>Rasulullah SAW tidak pernah berlaku kasar kepada sesiapaupun, walaupun terhadap ahli keluarganya sendiri. Baginda SAW memperlakukan dengan penuh kebaikan dan penghormatan terhadap para isterinya dan juga anak-cucunya. Baginda SAW membantu para isterinya dengan meringankan tugas rumah tangga. Saidatina Aisyah RadiAllahu Anha menceritakan bahawa Baginda SAW biasa membaiki terompahnya, menjahit bajunya, dan melaksanakan pekerjaan dengan tangannya sendiri. Baginda SAW mencuci pakaiannya, memerah air susu biri-birinya, dan menyelesaikan urusannya sendiri.</p>	12
<p>Rasulullah SAW juga bersikap lembut dan menzahirkan rasa cinta kepada anak-cucunya. Pernah pada suatu ketika, seorang laki-laki yang bernama Al-Akra' bin Habis melihat Baginda SAW sedang memeluk dan mencium cucu-cucunya yang masih kecil, kemudian Al-Akra' pun berkata, "<i>Walaupun aku mempunyai sepuluh orang anak namun tidak seorang pun dari mereka aku pernah cium</i>".</p>	13
<p><i>Baginda pun bersabda melalui sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RadiAllahu Anhu:</i></p> <p style="text-align: center;"><b>مَنْ لَا يَرْحَمُ لَا يُرْحَمُ</b></p> <p><i>"Sesiapa yang tidak mengasihani, tidak akan dikasihani."</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat al-Bukhari).</i></p>	14
<p>Selain itu, Rasulullah SAW adalah suami yang amat baik sebagaimana Saidatina Aisyah RadiAllahu Anha meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW telah bersabda yang bermaksud:</p> <p><i>"Sebaik-baik kamu adalah orang yang paling baik terhadap ahli keluarganya. Dan aku adalah yang paling baik terhadap keluargaku."</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat al-Tirmizi).</i></p>	15



<p><b>Hadirin Jumaat Sekalian,</b></p> <p>Rasulullah SAW juga adalah seorang yang tawaduk ataupun merendah diri apabila bergaul dan bercampur dengan masyarakat sebagaimana dijelaskan dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik RadiAllahu Anhu bahawa beliau berkata:</p> <p>إِنْ كَانَتْ الْأُمَّةُ مِنْ إِمَاءِ أَهْلِ الْمَدِينَةِ، لَتَأْخُذُ بِيَدِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ فَتَنْطَلِقُ بِهِ حَيْثُ شَاءَتْ</p>	16
<p><i>"Sesungguhnya seorang hamba memegang tangan Nabi SAW dan membawa Baginda berjalan-jalan mengikut kehendaknya".</i></p> <p><i>(Riwayat al-Bukhari).</i></p>	17
<p>Lihatlah seorang pemimpin agung seumpama Rasulullah SAW yang boleh merendahkan diri walaupun bergaul dengan seorang hamba. Baginda SAW sanggup meluangkan masa dan menunaikan hajat mereka. Akhlak ini amat wajar kita contohi. Bahkan sesungguhnya orang yang tawaduk dan merendah diri itu akan diangkat darjatnya oleh Allah SWT.</p> <p><b>Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,</b></p>	18
<p>Rasulullah SAW merupakan seorang pemimpin agung umat Islam yang tiada tolok bandingnya. Baginda memiliki ciri-ciri kepimpinan dalam semua aspek yang diperlukan, ditambah lagi dengan keperibadiannya yang dihiasi akhlak mulia dan terpuji. Sejarah kepimpinan Rasulullah SAW jelas menjadi bukti bahawa baginda bukanlah seorang yang bersifat agresif atau bertindak secara melulu apabila dihina atau berdepan kesukaran.</p>	19



<p>Sebaliknya, baginda sentiasa mengambil pendekatan sabar dan tenang, malah tidak pernah berdendam kepada musuh-musuhnya. Hal ini dijelaskan sebagaimana dalam kitab-kitab sirah ketika mana berlakunya pembukaan Kota Makkah.</p>	20
<p>Ibnu Kathir menjelaskan dalam tafsirnya dengan menyebut "Allah tidak melarang kalian berbuat baik kepada bukan Islam yang tidak memerangi kalian seperti berbuat baik kepada wanita dan orang yang lemah antara mereka. Nabi Muhammad SAW juga melarang sama sekali bertindak zalim terhadap golongan kafir mu'ahad dalam kalangan ahli zimmah dan lainnya."</p>	21
<p>Hal ini dapat dilihat menerusi hadis yang diriwayatkan oleh Sofwan bin Sulaim bahawa Nabi SAW bersabda:</p> <p style="text-align: center;">أَلَا مَنْ ظَلَمَ مُعَاهِدًا أَوْ انْتَقَصَهُ أَوْ كَلَّفَهُ فَوْقَ طَاقَتِهِ أَوْ أَخَذَ مِنْهُ شَيْئًا بغيرِ طيبِ نَفْسٍ، فَأَنَا حَجِيجُهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ</p>	22
<p><i>"Ingatlah! Sesiapa yang menzalimi terhadap kafir Mu'ahad, mengurangi haknya, membebani mereka di luar kemampuan mereka atau mengambil harta mereka tanpa kerelaan, maka akulah yang akan menjadi hujah membelanya pada hari Kiamat nanti."</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat Abu Daud).</i></p>	23



<p><b>Hadirin Jumaat yang dikasihi sekalian,</b></p> <p>Sesungguhnya keindahan akhlak Rasulullah SAW tiada siapa yang mampu menyangkalnya. Hanya puji-pujian terhadap keindahan akhlak tersebut tidak memadai jika kita sebagai umat Islam tidak berusaha mengikut jejak langkah Baginda Rasulullah SAW untuk memaparkan keindahan Islam kepada manusia keseluruhannya.</p>	24
<p>Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita mengambil beberapa intipati khutbah sebagai panduan kita bersama iaitu:</p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa Rasulullah SAW diutus oleh Allah SWT untuk menyempurnakan akhlak terpuji.</li><li>2. Umat Islam hendaklah mempamerkan akhlak mulia sebagai gambaran keindahan Islam.</li><li>3. Umat Islam hendaklah mencontohi akhlak Rasulullah SAW dalam semua aspek kehidupan.</li></ol>	25
<p style="text-align: center;">أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا ۝</p>	26
<p><i>“Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharap (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang)”.</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Al-Ahzab : 21).</i></p>	27



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.	28
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.	29



## KHUTBAH KEDUA

<p>أَلْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.</p>	1
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ ۖ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.</p>	2
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>	3
<p><b>Hadirin yang berbahagia,</b></p> <p>Marilah kita bersatu atas dasar akidah Islam yang pasti dan disimpulkan. Bersatu dalam apa jua situasi, bersatu teguh menghadapi persekitaran dan ancaman musuh yang terang dan terselindung. Bersatunya umat Islam adalah kekuatan paling dasar ke arah pembinaan Khaira Ummah (umat terbaik). Umat Islam berhak untuk berbeza pendapat, apalagi dalam soal urusan duniawi, namun umat Islam hendaklah terus bersatu dalam fikrah dan kefahaman mengikut garis rentas kalimah لا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ, prinsip-prinsip penegasan al-Quran dan al-Hadis serta prinsip persaudaraan Islam yang kukuh.</p>	4
<p><b>Hadirin yang berbahagia,</b></p> <p>Dalam usaha kita memutuskan rantaian Covid-19 ini, setiap Jemaah diminta terus berdisiplin dan wajib mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh pihak JAIS khususnya mengambil wuduk di rumah, membawa sejadah masing-masing, memakai pelitup muka (face mask) ketika hadir di Masjid dan Surau serta mengamalkan penjarakan fizikal. Bagi mereka yang tidak sihat adalah dilarang sama sekali untuk melaksanakan solat di Masjid dan Surau.</p>	5





<p>اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.</p>	6
<p>اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْتَحَفِظَ بِعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحَفِظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ،</p>	7
<p>جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.</p>	8
<p>اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاعُورِ، تَعَاوَى أَمِيرِ شَاهِ اِبْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج</p>	9
<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمَوْظُفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.</p>	10
<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini. Ya Allah, lindungilah kami daripada bala bencana dan wabak penyakit seperti Covid-19.</p>	11
<p>اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اذْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِطُفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.</p>	12



<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.</p>	13
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٠١﴾</p>	14
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ يُعْطِيكُمْ وَلْيَذْكُرِ اللَّهُ أَكْبَرُ ۗ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	15